



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PEMANTAUAN RISIKO JANGKITAN VIRUS NIPAH DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian sentiasa memantau rapat perkembangan jangkitan virus Nipah (NiV) di peringkat global melalui kerjasama dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta rangkaian kesihatan antarabangsa.

Sejak tahun 1998 hingga Mei 2024, sebanyak 754 kes NiV telah dilaporkan di seluruh dunia dengan 435 kematian, bersamaan kadar kematian sebanyak 58 peratus. Terkini, pada 27 Januari 2026, India melaporkan kepada WHO dua (2) kes disahkan jangkitan NiV di West Bengal yang melibatkan petugas kesihatan, manakala pada 3 Februari 2026, Bangladesh melaporkan satu (1) kes disahkan melibatkan seorang wanita berumur 45 tahun dengan sejarah pengambilan air nira mentah. Sehingga kini, tiada kes baharu dilaporkan di peringkat global. Di Malaysia, tiada kes baharu penyakit Nipah dilaporkan sehingga kini sejak kejayaan membendung wabak penyakit tersebut pada tahun 1999.

Berdasarkan penilaian risiko semasa serta perkembangan situasi global, KKM sebelum ini telah mengaktifkan mod amaran (*alert mode*) dan melaksanakan saringan kesihatan bersasar di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) susulan laporan kes di negara terjejas. Sepanjang tempoh 29 Januari 2026 hingga 22 Februari 2026, hampir enam (6) juta pengembara telah disaring, termasuk 123,103 dari negara terjejas, namun tiada kes yang memenuhi definisi kes jangkitan NiV dikesan di Malaysia.

Setelah melepasi dua (2) tempoh inkubasi tanpa sebarang pengesanan kes, serta mengambil kira ketiadaan bukti penularan rentas sempadan ke Malaysia, KKM telah menilai semula tahap kesiapsiagaan dan bersetuju untuk menurunkan status respons daripada mod amaran (*alert mode*) kepada mod pemantauan (*watch mode*). Mod amaran (*alert mode*) merujuk kepada tahap kesiapsiagaan yang lebih tinggi dengan

pelaksanaan langkah kawalan tambahan apabila risiko dinilai meningkat. Manakala mod pemantauan (*watch mode*) bermaksud situasi adalah terkawal, namun pemantauan dan surveilan berterusan tetap dijalankan bagi memastikan sebarang perubahan risiko dapat dikesan dan ditangani dengan segera.

Seiring dengan penurunan tahap respons kepada mod pemantauan (*watch mode*), pelaksanaan saringan kesihatan bersasar di PMA akan ditamatkan. Walau bagaimanapun, aktiviti surveilan domestik serta pemantauan perkembangan situasi global akan terus diperkukuh berdasarkan pendekatan berasaskan risiko dan prinsip One Health bagi memastikan sebarang perubahan risiko dapat dikesan dan ditangani dengan segera.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
23 FEBRUARI 2026

